

SPMU 2018
26 Jun 2018 (Selasa)
2.00 – 4.30 ptg

SEJARAH
KERTAS 2
DUA JAM TIGA PULUH MINIT

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi **dua bahagian** : **Bahagian A** dan **Bahagian B***
2. *Jawab **semua** soalan dalam **Bahagian A** dan **tiga** soalan dalam **Bahagian B**.*
3. *Jawapan **Bahagian A** hendaklah ditulis dalam ruang yang disediakan dalam kertas soalan.*
4. *Jawapan **Bahagian B** hendaklah ditulis pada kertas jawapan berasingan yang disediakan.*
5. *Kertas soalan ini hendaklah diikat dan dihantar bersama-sama kertas jawapan **Bahagian B**.*
6. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.*

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1		
	2		
	3		
	4		
B	5		
	6		
	7		
	8		
	9		
	10		
	11		
Jumlah			

Bahagian A

(40 markah)

Jawab **semua** soalan

1. Tamadun Mesopotamia telah menyumbang dalam pelbagai bidang kehidupan manusia

Sumber:www.ancientmesopotamians.com

- (a) Nyatakan **dua** sumbangan tamadun tersebut.

(i)

(ii)

[2 markah]

- (b) Jelaskan kesan sumbangan dalam 1(a) terhadap kehidupan manusia.

Gunakan pengetahuan sejarah dan pengetahuan am anda.

.....
.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

- (c) Berdasarkan kajian anda terhadap tamadun awal manusia,uraikan kualiti manusia yang diperlukan untuk membangun dan memajukan sesebuah tamadun.

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

2. (a) Tamadun India mengamalkan sistem beraja pada tahap awal pembentukan. Bagaimanakah sistem tersebut dilaksanakan ?

.....
.....

[2 markah]

- (b) Chandragupta Maurya dan Asoka merupakan dua tokoh dalam pembentukan empayar Maurya di India.

- (i) Bagaimanakah Chandragupta Maurya membentuk empayar Maurya ?

.....
.....

[2 markah]

- (ii) Bagaimanakah Asoka melaksanakan perluasan kuasa di India selepas Perang Kalinga ?

.....
.....

[2 markah]

- (c) Pada pandangan anda, mengapa Asoka menggunakan cara dalam **dua** (b)(ii) ?

.....
.....
.....

[4 markah]

3. Maklumat berikut berkaitan dengan penentangan penduduk tempatan terhadap British di Sabah

Penentangan awal gerakan anti-penjajah di Sabah dapat dilihat menerusi penentangan terhadap Syarikat Borneo Utara British (SBUB) yang dilakukan oleh pembesar-pembesar.

*Sumber : Mohd Isa Othman (2002)Sejarah Malaysia 1800-1963, KL
Utusan Publication Distribution Sdn. Bhd.*

- (a) Mengapakah SBUB ditentang ?

.....
.....
.....
.....

[3 markah]

- (b) Mat Salleh menentang SBUB di Sabah.

Bagaimanakah penentangan tersebut dilakukan ?

.....
.....
.....
.....

[3 markah]

- (c) Mengapakah SBUB tetap mempertahankan kedudukannya di Sabah walaupun ditentang oleh pemimpin tempatan ?

Beri pendapat anda.

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

4.

ZOPFAN telah diisytiharkan melalui Deklarasi Kuala Lumpur pada bulan November 1971.

Sumber. pmr.penerangan.gov.my

- (a) Apakah yang anda faham tentang konsep ZOPFAN ?

.....

.....

[2 markah]

- (b) Mengapa ZOPFAN penting terhadap ASEAN ?

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- (c) Beri cadangan anda untuk menjayakan matlamat ZOPFAN.

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

Bahagian B

(60 markah)

Jawab mana-mana tiga soalan daripada bahagian ini

5. Pada tahun 630 Masihi bersamaan tahun 8 Hijrah, Nabi Muhammad SAW telah berjaya membuka semula kota Makkah.
 - (a) Jelaskan tindakan Nabi Muhammad SAW untuk membuka semula kota Makkah. [4 markah]
 - (b) Mengapakah pembukaan semula Kota Makkah penting terhadap perjuangan Nabi Muhammad SAW ? [8 markah]
 - (c) Huraikan iktibar yang boleh diambil daripada kejayaan pembukaan semula Kota Makkah oleh Nabi Muhammad S.A.W. [8 markah]
6. Pertembungan tamadun Islam dengan tamadun lain di dunia menyumbang kepada perkembangan peradaban manusia.
 - (a) Terangkan cara pertembungan tamadun tersebut. [4 markah]
 - (b) Jelaskan kesan pertembungan tamadun tersebut. [8 markah]
 - (c) Pertembungan tamadun masih berlaku hingga kini. Bersetujukah anda dengan pernyataan tersebut ? Berikan penjelasan anda. [8 markah]
7. Pernyataan berikut berkaitan dengan kegiatan ekonomi orang Melayu semasa penjajahan British

Masyarakat petani di luar bandar tidak terlibat dengan kegiatan ekonomi moden yang diperkenalkan oleh British. Mereka mengamalkan kegiatan ekonomi tradisional.

Sumber : Review of History and Political Science December 2014.Vol.2

 - (a) Jelaskan kegiatan ekonomi tradisional masyarakat Melayu sebelum kedatangan British [4 markah]
 - (b) Mengapakah aktiviti ekonomi tradisional masyarakat Melayu tidak berkembang pada zaman penjajah British ? [8 markah]
 - (c) Sekiranya anda berada pada zaman penjajahan tersebut, cadangkan kepada British usaha-usaha yang boleh dilakukan untuk memajukan kegiatan ekonomi tradisional masyarakat Melayu [8 markah]

8. Pernyataan berikut berkaitan dengan pembinaan negara bangsa.

Konsep negara bangsa merujuk pada pembentukan negara bangsa moden di Eropah. Idea ini tercetus di Barat pada penghujung abad ke-18 dan ke-19 akibatnya Revolusi Inggeris 1688, Perang Kemerdekaan Amerika 1776 dan Revolusi Perancis 1789.

(a) Jelaskan maksud :

- | | |
|-------------|------------|
| (i) Negara | [2 markah] |
| (ii) Bangsa | [2 markah] |

(b) Bagaimanakah negara bangsa berikut dibentuk ?

- | | |
|------------|------------|
| (i) Jerman | [4 markah] |
| (ii) Itali | [4 markah] |

(c) Mengapakah cara pembinaan negara bangsa dilaksanakan pada masa kini ?

Beri penjelasan anda. [8 markah]

9. Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 ditandatangani oleh Raja-Raja Melayu dan British pada Ogos 1957.

(a) Jelaskan isi-isi penting perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957. [4 markah]

(b) Mengapakah Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 penting kepada rakyat Tanah Melayu ? [8 markah]

(c) Huraikan iktibar daripada perjuangan yang dilakukan oleh tokoh-tokoh yang terlibat dalam perjuangan mendaulatkan negara.

[8 markah]

10. Pernyataan berikut berkaitan dengan Perlembagaan Malaysia.

Perlembagaan kita dikelaskan sebagai sebuah perlembagaan beraja.
Yang di-Pertuan Agong mempunyai peranan mengikut perlembagaan.

Sumber: Abdul Aziz Bari, *Perlembagaan Malaysia Asas-asas dan Masalah*, halaman:33

(a) Jelaskan maksud perlembagaan. [4 markah]

(b) Sistem Raja Berperlembagaan merupakan tonggak keagungan kerajaan Malaysia sejak merdeka sehingga kini.

Terangkan bidang kuasa Yang di-Pertuan Agong seperti yang diperuntukkan dalam perlembagaan. [8 markah]

(c) Mengapakah sistem Raja Berperlembagaan diamalkan di negara kita ?
Gunakan pengetahuan sejarah dan pengetahuan anda. [8 markah]

11. Maklumat berikut merujuk rancangan pembangunan ekonomi Malaysia.

Rancangan Malaysia keempat (RMK-4) 1981-1985 merupakan langkah utama bagi mencapai matlamat-matlamat jangka panjang pembangunan ekonomi dan perpaduan negara. Di bawah rancangan ini, kerajaan merangka pelbagai program dalam usaha memusatkan dan meningkatkan pendapatan dan taraf hidup rakyat.

(Sumber : www.pmr.penerangan.gov.my)

- (a) Jelaskan maksud Rancangan Malaysia Keempat. [4 markah]
- (b) Bagaimanakah dasar-dasar berikut menjayakan matlamat Rancangan Malaysia Keempat?
- (i) Dasar Pengswastaan [4 markah]
(ii) Dasar Pensyarikatan Malaysia [4 markah]
- (c) Anda sebagai pemimpin generasi muda. Rancangkan satu pelan pembangunan masa hadapan untuk mengubah dan mengekalkan perpaduan rakyat.
Huraikan rancangan tersebut. [8 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT